

Kes Dr Mahathir saman Ahmad Zahid

# 'Saya fail saman kerana dihina secara peribadi'

Tun M dakwa semua kenyataan Ahmad Zahid satu pembohongan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad, menegaskan beliau mengemukakan saman fitnah terhadap Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi kerana kenyataan Timbalan Perdana Menteri itu adalah satu pembohongan.

Dr Mahathir, 99, yang memberi

keterangan sebagai plaintif dalam kes saman terhadap Ahmad Zahid, 71, di Mahkamah Tinggi, semalam berkata, kenyataan Presiden UMNO itu menggambarkan seolah-olah beliau bukan Mahathir Mohamad.

"Saya memfailkan saman ini kerana beliau menghina saya secara peribadi dengan membangkitkan 'isu kutty' yang menyentuh keturunan saya. Masyarakat Melayu tidak meletakkan 'anak lelaki', sebaliknya menggunakan perkataan 'bin' pada nama.

"Mana-mana orang bodoh pun akan faham bahawa beliau hendak menggambarkan bahawa saya bukan seorang Melayu dengan menggunakan perkataan 'anak lelaki Iskandar Kutty'.

"Semua kenyataan beliau adalah bohong ... tujuan beliau adalah untuk menunjukkan yang saya berpura-pura yang saya ialah Mahathir Mohamad," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau mengambil tindakan undang-undang berkenaan selepas tiga bulan Ahmad Zahid menyamannya pada April 2022.

## Pertikai tempoh fail saman

Dalam prosiding itu, Dr Mahathir sekali lagi mengulangi dan menegaskan, Mahathir anak lelaki Iskandar Kutty, yang didakwa tertera pada kad pengenalan berwarna birunya adalah tidak benar, ketika disoal balas peguam Mohd Shahrul Fazli Kamarulzaman yang mewakili Ah-



Tun Mahathir tiba di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

mad Zahid.

Pada prosiding itu, Mohd Shahrul Fazli turut mempertikaikan mengapa Dr Mahathir mengambil masa lima tahun untuk memfailkan saman terhadap Ahmad Zahid.

Dr Mahathir menegaskan, beliau mempunyai hak untuk mengemukakan tindakan saman yang didakwa menghina kerana masyarakat masih mengingati isu yang dibangkitkan, apatah lagi ia dituturkan oleh Timbalan Perdana Menteri.

Pada 20 Julai 2022, Dr Mahathir selaku plaintif memfailkan saman itu dengan menamakan Ahmad Zahid sebagai defendan.

Berdasarkan pernyataan tuntutan, Dr Mahathir berkata, defendan mengeluarkan kenyataan palsu, berbaur fitnah dan berniat jahat dengan sengaja merujuk terus kepadanya ketika Mesyuarat UMNO Bahagian Kelana Jaya pada 30 Julai 2017.

Prosiding di depan Pesuruhjaya Kehakiman, Gan Techiong bersambung esok.